



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH AIDILFITRI

Tajuk :

AIDILFITRI LEBIH BERERTI

Tarikh Dibaca :

1 SYAWAL 1444H

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



AIDILFITRI LEBIH BERERTI

1 SYAWAL 1444H

اَللّٰهُ اَكْبَرُ ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ
اَللّٰهُ اَكْبَرُ ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ
اَللّٰهُ اَكْبَرُ ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ

اَللّٰهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اَللّٰهِ بُكْرَةً وَّاَصِيْلًا ، لَا اِلٰهَ اِلَّا اَللّٰهُ وَلَا نَعْبُدُ
اِلَّا اِيَّاهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ ، لَا اِلٰهَ اِلَّا اَللّٰهُ وَحْدَهُ ، صَدَقَ وَعْدُهُ ،
وَنَصَرَ عَبْدَهُ ، وَاَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْاَحْزَابَ وَحْدَهُ . لَا اِلٰهَ اِلَّا اَللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ ، اَللّٰهُ
اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ .

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُوْلَهُ . اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهِ
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ . اَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اَللّٰهِ اتَّقُوا اَللّٰهَ ، اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اَللّٰهِ وَطَاعَتِهِ
لَعَلَّكُمْ تَرْحَمُوْنَ ، قَالَ اَللّٰهُ تَعَالٰى فِيْ كِتَابِهِ الْكَرِيْمِ ، اَعُوْذُ بِاَللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِيْ اُنْزِلَ فِيْهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدٰى وَالْفُرْقَانِ
فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيْضًا اَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ اَيَّامٍ
اٰخَرٍ يُرِيْدُ اَللّٰهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيْدُ بِكُمْ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اَللّٰهَ
عَلٰى مَا هَدٰىكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُوْنَ ۝۸۰

Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Pada pagi Aidilfitri yang indah ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Aidilfitri Lebih Bererti**”.

Khatib menyeru kepada sidang jemaah sekalian agar terus istiqamah menunaikan solat secara berjemaah, mengimarahkan masjid dan majlis-majlis ilmu, serta terus berpesan-pesan menyeru melakukan kebaikan dan mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Pertama-tamanya, kita awali pagi hari yang mulia ini dengan mengucapkan berbilang-banyak rasa syukur dan setinggi-tinggi pujian kepada Allah SWT atas segala nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Sehingga saat ini, kita masih lagi diberi peluang bangun dalam keadaan sihat, menghirup udara yang segar, melihat pemandangan nan indah, mendengar alunan *takbir*, *tahmid* dan *tahlil* yang dilafazkan berulang-ulang tanda memuji kebesaran Allah SWT. Ingatlah, setinggi apa pun jawatan kita, sedarlah hakikat bahawa kita hanya meminjam dan menumpang secebis dari nikmat Allah SWT yang banyak. Kita tetap hamba Allah yang sangat kerdil dan lemah yang tetap bergantung kepada Allah SWT yang Maha Agung. Justeru, kita mesti sentiasa bersyukur kepada Allah SWT tidak kira dalam apa jua keadaan, kerana dalam keadaan senang atau susah sekalipun, kita masih lagi dapat merasai nikmat kurniaan-Nya.

Bersyukur bukan semata-mata kita mengucapkan puji-pujian kepada Allah SWT, tetapi mesti disertai dengan menunaikan kewajipan dan meneruskan ketaatan semata-mata kepada Allah SWT. Setelah kita melalui Ramadan, yang kita gelarkan sebagai bulan tarbiyah atau pelatihan diri, maka masuknya Syawal hari ini boleh dianggap sebagai medan ujian diri bagi menguji keberhasilan terhadap pelatihan yang telah dilalui selama sebulan.

Kita juga perlu mempersiapkan diri dengan bekal secukupnya sama ada bekal hidup di dunia apatah lagi bekalan untuk dibawa ke hari akhirat kelak. Persiapan menghadapi tahun 2023 pastinya memiliki cabaran-cabarannya yang tersendiri. Sejak awal tahun ini, kita telah diuji dengan bermacam-macam bentuk ujian dan musibah seperti banjir di beberapa negeri, kenaikan kos sara hidup, dan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Kita juga dikejutkan dengan gempa bumi di Turkiye yang meragut puluhan ribu nyawa. Apa-apa pun, kita di Malaysia ini perlunya terus sentiasa bersyukur kepada Allah SWT kerana segala ujian tersebut dapat dihadapi dengan baik dan kini masih lagi dapat menikmati nikmat-Nya yang tidak terhitung banyaknya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dimuliakan,

Aidilfitri pastinya lebih bermakna jika diraikan bersama orang yang tersayang. Secara tradisinya, apabila tiba hari raya, orang ramai pulang ke kampung halaman untuk menyambut Aidilfitri bersama insan tersayang. Dalam hal ini, ibu bapalah tempat utama yang dituju untuk menyambut lebaran. Ibu bapa merupakan sosok yang paling banyak berjasa dalam hidup kita. Mereka telah mengorbankan seluruh hidup mereka untuk memastikan kehidupan kita sentiasa cukup dan menerima pelajaran yang sebaiknya demi masa depan kita. Setiap kali tiba hari raya juga, pastinya ibu bapa kitalah insan yang berlegar-legar dalam fikiran dan ingatan kita. Kita langsung akan terkenang detik-detik indah bersama ibu bapa yang paling sibuk bertungkus-lumus menyiapkan keperluan hari raya buat kita dahulu walaupun kadangkala mereka sendiri hanya memakai pakaian yang sedia ada. Maka kegembiraan pada hari raya ini pastinya kita ingin raikan bersama insan-insan mulia ini. Inilah peluang yang ada untuk kita mengeratkan hubungan silaturrahim antara ibu bapa, keluarga dan sanak-saudara.

Ibu bapa juga merupakan insan yang paling gembira pada hari ini kerana anak-anak pulang berkumpul sekaligus mengembalikan nostalgia dan kenangan yang indah. Pastinya, setiap anak mengharapkan restu dan keredhaan dari ibu bapa masing-masing kerana keredhaan ibu bapa itulah yang menjemput keredhaan Allah SWT. Dalam sebuah hadis, Abdullah ibn Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رِضَا الرَّبِّ فِي رِضَا الْوَالِدِ، وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ

Maksudnya: “Keredhaan Allah itu bergantung kepada keredhaan kedua orang tua, dan kemurkaan Allah itu bergantung kepada kemarahan kedua orang tua”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad*)

Justeru, ambil peluang sementara mereka masih ada untuk kita terus mencurahkan bakti dan penghormatan kepada mereka. Bersyukurlah bagi yang masih memiliki ibu bapa kerana ada juga yang sejak kecil langsung tidak dapat merasai keberadaan ibu atau bapa kerana ajal yang lebih dahulu tiba. Manakala bagi yang telah tiada, teruslah memperbanyakkan berdoa semoga Allah SWT mengampunkan dosa mereka dan menempatkan mereka dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh. Pemergian mereka bukan bererti tanggungjawab kita sebagai anak telah selesai, bahkan doa seorang anak itu juga merupakan salah satu daripada amalan sokongan buat ibu bapa yang telah meninggal dunia.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,

Hari raya ini juga merupakan peluang untuk kita memperbaiki hubungan persaudaraan sesama kita. Antara kita, pasti ada keterlanjuran yang telah dilakukan sama ada secara sedar mahupun tidak. Perbezaan pendapat dan perselisihan yang berlaku antara sesama manusia memang tidak dapat dielakkan kerana ia *sunnatullah* yang tetap terselit padanya titik persamaan yang boleh diraikan. Asal sahaja kita bijak menangani setiap perbezaan tersebut dengan tenang dan bijaksana. Bagi umat Islam, sungguhpun kita berbeza pandangan, fikrah politik, kita tetap bertemu pada akidah yang sama iaitu mengesakan Allah SWT dan mengabdikan diri kepada-Nya. Justeru, Aidilfitri ini merupakan momen yang sangat baik untuk kita memaafkan kesalahan orang lain terhadap kita dan peluang kita memohon kemaafan daripada orang lain apa-apa jua kesalahan yang telah kita lakukan terhadap mereka. Semoga dengan jernihnya hubungan sesama kita akan membuka lembaran baharu kehidupan yang lebih tenang dan saling mengasihi antara satu sama lain. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga melalui titah Baginda dalam Sesi Pembukaan Parlimen Kelima Belas turut menyatakan ketinggian hasrat Baginda untuk melihat seluruh masyarakat di negara ini terus mengamalkan semangat perpaduan

dengan perasaan saling menyayangi, menghormati antara satu sama lain, toleran dan hidup dalam kesepaduan yang utuh. Dengan itu, negara tercinta ini dapat dibangunkan secara holistik dan hidup dalam kerukunan yang diiringi rahmat dan perlindungan Allah SWT.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi sekalian,

Khatib ingin berpesan kepada seluruh umat Islam dalam suasana kegembiraan menyambut Aidilfitri ini, jangan pula kita leka menunaikan kewajipan yang telah ditentukan ke atas kita terutamanya solat fardhu lima waktu. Amalan kunjung-mengunjung merupakan amalan yang baik namun ia mesti dikawal sebaiknya menurut perintah agama dengan membatasi pergaulan, memelihara aurat serta menjaga adab dan tingkah-laku sebagai seorang Muslim.

Untuk akhirnya, khatib turut ingin mengingatkan saudara-saudari sekalian untuk kita berusaha melaksanakan puasa sunat enam hari di Bulan Syawal kerana fadhilatnya yang amat besar sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: *“Barangsiapa berpuasa Ramadan, diikuti dengan puasa (sunat) enam hari di Bulan Syawal, menyamai seperti berpuasa sepanjang tahun”.*

Sebagai penutup, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa pesanan penting buat saudara-saudari yang dikasihi sekalian;

Pertama: Hari Raya Aidilfitri boleh dianggap sebagai medan ujian bagi melihat keberhasilan terhadap pelatihan yang telah dilalui selama sebulan dalam Bulan Ramadan.

Kedua: Keredhaan Allah SWT bergantung kepada keredhaan ibu bapa. Maka, teruslah berbakti kepada kedua ibu bapa sama ada ketika mereka masih hidup mahupun setelah mereka meninggal dunia.

Ketiga: Hari Raya Aidilfitri merupakan momen terbaik untuk kita memaafkan kesalahan orang lain terhadap kita dan peluang kita memohon kemaafan daripada orang lain apa-apa jua kesalahan yang telah kita lakukan terhadap mereka.

Justeru, hari raya bukanlah penamat kepada usaha kita melipatgandakan amal ibadah sepertimana yang kita lakukan dalam Bulan Ramadan bahkan ia sebagai momentum penerus dari kebaikan-kebaikan yang telah kita latih dari Madrasah Ramadan untuk menuju ke hari akhirat kelak.

Firman Allah SWT:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ١٦٠

Maksudnya: “Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun)”. (Surah al-An’aam ayat 160)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Marilah kita memperbanyakkan berselawat dan ucapan salam ke atas Baginda Nabi Muhammad SAW. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اَيَّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ
مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفَرَتَوَانْ اَكُوغْ، السُّلْطَانْ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ
الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.
وَكَذَلِكَ كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغْ،
تُونُكُو عَزِيْزَهٗ أَمِيْنَهٗ مِيْمُونَهٗ إِسْكَندَرِيَهٗ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ
إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Ampunilah dosa kedua ibu bapa kami. Rahmatilah mereka sepertimana mereka telah mengasihi dan mendidik kami sejak kecil lagi. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, wabak penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ